



SRIKANDI SILAT: Atiq (atas) meraih pingat gangsa di Sukan SEA 2019 di Manila, Filipina pada Disember lalu. – Foto TAN CHUAN-JIN / FACEBOOK



PEJUANG COVID-19: Atiq (kiri, gambar kanan) lengkap dengan pakaian peralatan perlindungan diri (PPE) semasa bertugas di pusat perubatan di asrama pekerja asing Woodlands Lodge. – Foto ALEX CHUA

Srikandi silat di barisan depan lawan Covid-19

Bertugas sebagai pakar fisioterapi di Hospital Tan Tock Seng, Atiq dikerah ke asrama pekerja asing Woodlands Lodge

► **ZULAIQAH ABDUL RAHIM**
zulab@sph.com.sg

DALAM gelanggang, srikandi silat ini gagah bersaing demi mengharumkan nama negara. Di luar gelanggang pula, beliau berani berkorban demi membantu negara melawan Covid-19.

Pesilat Singapura, Atiq Syazwani Roslan, 27 tahun, tampil secara sukarela untuk ditugaskan di asrama yang didiami pekerja asing.

Sejak tiga minggu lalu, pakar fisioterapi di Hospital Tan Tock Seng itu dikerah ke asrama pekerja asing Woodlands Lodge – yang disahkan sebagai salah satu daripada kelompok Covid-19 di sini.

Beliau ditugaskan menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas pekerja asing di pusat perubatan asrama itu.

Mengongsi perasaannya pada awal menggalas tugas itu, Atiq berkata wujud rasa takut dan bimbang kerana bekerja di sekitaran yang terdedah kepada Covid-19.

“Tidak dinafikan, ada rasa takut dan ada juga fikir tentang risiko kesihatan bekerja di asrama.”

“Tetapi, ini adalah peluang sekali dalam seumur hidup untuk saya bantu mereka yang terjejas semasa tempoh mencabar ini,” kata Atiq kepada *Berita Minggu* (BM).

Namun segala perasaan takut itu dapat diatasi srikandi silat ini setelah beberapa hari menyesuaikan diri pada tugas barunya.

Ditanya mana satu yang lebih mencabar – beraksi di gelanggang silat atau bekerja di barisan hadapan menentang koronavirus – Atiq menganggap kededua bidang itu memiliki cabarannya tersendiri.

“Kededua-duanya adalah minat saya. Bagi silat, saya harus menjalani latihan intensif untuk mencapai matlamat saya manakala bertugas di asrama pekerja asing juga ada pelbagai cabaran,” ujarnya.

Beraksi dalam acara tanding Kelas A, Atiq merupakan pemenang pingat perak di Sukan

“ Tidak dinafikan, ada rasa takut dan ada juga fikir tentang risiko kesihatan bekerja di asrama. Tetapi, ini adalah peluang sekali dalam seumur hidup untuk saya bantu mereka yang terjejas semasa tempoh mencabar ini... Kededua-duanya adalah minat saya. Bagi silat, saya harus menjalani latihan intensif untuk mencapai matlamat saya manakala bertugas di asrama pekerja asing juga ada pelbagai cabaran...Walaupun saya seorang pakar fisioterapi, tidak kira sama ada anda bertugas di dalam atau luar bidang perubatan, anda boleh bantu menyumbang kepada usaha menangani Covid-19 negara.”

– Pesilat negara, Atiq Syazwani Roslan.

SEA 2017 di Kuala Lumpur dan pingat gangsa di temasya 2019 di Manila.

Atiq menambah memakai alat perlindungan merupakan cabaran utamanya sebagai petugas di barisan hadapan.

Lebih-lebih lagi sewaktu Ramadan. “Memakai Peralatan Perlindungan Diri (PPE), pelitup N95 dan pelindung muka selama tiga jam ketika bertugas boleh dikatakan agak mencabar dan memenatkan. Ia macam lari maraton,” kata Atiq.

Meskipun itu, beliau menambah pelan diet pemakanan yang dipelajari di Institut Sukan Singapura (SSI) bantu mengekalkan hidrasi dan tenaga sepanjang hari.

Pemenang pingat perak dan gangsa Sukan SEA itu juga perlu mematuhi langkah keselamatan ketat yang ditetapkan.

Ini termasuk memastikan beliau telah membersihkan diri sebelum pulang ke rumah.

Apabila di rumah pula, beliau elak berkongsi makanan dan akan mengasingkan diri daripada keluarganya.

“Perkara pertama yang saya akan lakukan

apabila wabak Covid-19 ini berakhir adalah untuk memeluk ibu saya,” kongsi.

Mengambarkan pengalamannya sebagai “sesuatu yang tidak dapat dilupakan”, Atiq, lulusan Institut Teknologi Singapura (SIT) yang telah berkecimpung dalam fisioterapi sejak lima tahun lalu, menambah:

“Walaupun saya seorang pakar fisioterapi, tidak kira sama ada anda bertugas di dalam atau luar bidang perubatan, anda boleh bantu menyumbang kepada usaha menangani Covid-19 negara.”

Keberanian dan pengorbanan Atiq mendapat pujian Speaker Parlimen Encik Tan Chuan-Jin yang menganggap pesilat itu sebagai “pejuang dan pembela kita”.

Dalam perkongsian di Facebook pada Ahad lalu, Encik Tan, yang juga Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), turut mengajak orang ramai supaya memberikan sokongan kepada petugas di barisan hadapan.

“Ingatlah tentang anak-anak kita di barisan hadapan yang berusaha sedaya upaya untuk menjaga keselamatan kita. Berilah mereka kata-kata perangsang!”

ATLET LAIN SINGAPURA YANG BERTUGAS DI BARISAN HADAPAN



Pesilat negara Muhammad Riansyaqi bertugas sebagai penghantar makanan.



Atlet bot naga negara Vanessa Tan bertugas sebagai ahli teknologi makmal perubatan di Hospital Besar Singapura.



Pesilat negara Syafiq Syazry bertugas sebagai penghantar makanan.



Atlet sukan mendayung negara Joan Poh bertugas sebagai jururawat berdaftar di Hospital Tan Tock Seng.



Atlet bot naga negara Amelie Tan bertugas sebagai jururawat kakitangan kanan di Institut Kesihatan Mental.

► Foto-Foto TAN CHUAN-JIN / FACEBOOK



Call 6289 8822 or e-mail notices@sph.com.sg to book your AGM & EGM, Auction & Tender, Financial Statement, IPO, Merger & Acquisition or Move to Mainboard notices.

NOTICES